

21 AUG 1998

LEAD Mahathir-Amerika

MALAYSIA DUKACITA AMERIKA BOM AFGHANISTAN DAN SUDAN

KANGAR, 21 Ogos (Bernama) -- Malaysia amat berdukacita dengan tindakan Amerika Syarikat mengebom Afghanistan dan Sudan semalam kerana ia dikatakan diizinkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita rasa amat dukacita kerana serangan itu dikatakan diizinkan oleh PBB sedangkan kita tak tahupun PBB berikan keizinan," kata Perdana Menteri pada persidangan berita di Dewan Residen di sini.

Beliau diminta mengulas tindakan Amerika Syarikat mengebom kubu-kubu pengganas di Afghanistan dan Sudan yang disangka oleh Washington sebagai tempat perlindungan mereka yang dipercayai merancang untuk menyerang kepentingan Amerika setelah kedutaan Amerika Syarikat di Kenya dan Tanzania di bom awal bulan ini.

Amerika Syarikat dilaporkan memberitahu Majlis Keselamatan PBB bahawa dalam membuat serangan itu, ia melaksanakan haknya untuk mempertahankan diri berdasarkan Piagam PBB.

Dr Mahathir berkata: "Self defence (mempertahankan diri) ... macam mana kita nak tahu, kalau dia serang kita nanti. Dia kata self defence juga,"

Perdana Menteri berkata dengan bertindak demikian, Amerika Syarikat telah "menjatuhkan hukuman dan melaksanakan hukuman".

"Siapa yang jadi orang yang menentukan? Kalau saya boleh menentukan di mana saya nak serang, huru-haralah dunia ini.

"Kalau sebuah kuasa besar, dia boleh serang siapa sahaja. Dia buat keputusan dan dia ambil tindakan dan negara-negara kecil berasa cukup bahaya duduk dalam dunia ini.

"Kita (negara-negara kecil) tak berani nak cakap apa. Kalau kita kata, mungkin kita diserang," kata Dr Mahathir.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri berharap negara-negara serantau akan bersetuju dengan penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) terutamanya ketika rantau ini menghadapi masalah ekonomi.

"Tetapi saya tak begitu yakinlah kerana kalau mereka cuba, maka akan ada orang yang akan tahan (sekat) mereka.

"Kalau mereka cuba juga, negara mereka juga akan diserang oleh pedagang mata wang atau kapitalis lain," katanya.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak semalam berkata negara-negara serantau perlu menimbangkan semula kepentingan menubuhkan EAEC ekoran masalah ekonomi serantau sekarang.

-- BERNAMA

JM MAI